



thinkCITY

warisan



WAJAH BAHARU KUALA LUMPUR

WARISAN KITA:
WARISAN IBU KOTA
MALAYSIA MADANI



“Sementara menggapai langit, meneroka alam pemikiran dan teknologi baru, kita tetap mengakar ke bumi supaya jati diri kita, kemanusiaan kita, nilai dan akhlak kita dapat terus kita pertahankan.”

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

Majlis Perasmian Wacana Pemikir Global
22 Januari 2024

BAHAGIAN I: KONTEKS – MENGAPA WARISAN KL PENTING

MS 4 - 7

KATA ALU-ALUAN

MS 8

**KUALA LUMPUR DI PERSIMPANGAN
PENTING**

MS 9

SERUAN PEMBAHARUAN

BAHAGIAN II: VISI – WARISAN KL SEBAGAI USAHA NASIONAL

MS 10

APA ITU WARISAN KL?

MS 11

**BERTERASKAN MADANI,
BERLANDASKAN WARISAN**

MS 11

**SEKILAS PANDANG STRATEGI:
KERANGKA TEMPAT, RAKYAT DAN
BUDAYA**

BAB III: PEMACU – 10 PROJEK ANDALAN

MS 12

**KAWASAN WARISAN DATARAN
MERDEKA**

MS 13

CARCOSA SERI NEGARA

MS 14

MERDEKA 118

MS 15

ENKLAF MASJID JAMEK

ISI KANDUNGAN

MS 16

KUADRAN PERDAGANGAN

MS 17

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

MS 18

KANDUNGAN & PROGRAM

MS 19

RANGKAIAN PENGHUBUNG HIJAU

MS 20

STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR

MS 21

FESYEN & TEKSTIL

BAHAGIAN IV: PENGAKTIFAN & PELAKSANAAN

MS 22

**DILHAMKAN OLEH KISAH SEBENAR,
DIGERAKKAN OLEH RAKYAT**

MS 22

**DARIPADA IDEA KEPADA TINDAKAN:
PROTOTAIP MASA DEPAN
KUALA LUMPUR**

MS 22

**TADBIR URUS & EKOSISTEM
PEMEGANG TARUH**

BAHAGIAN V: IMPAK

MS 23

APAKAH UKURAN KEJAYAAN?

MS 23

**LANGKAH SETERUSNYA & CARA UNTUK
TERLIBAT SAMA**

KATA ALU-ALUAN DARIPADA

**YB SENATOR
DATUK SERI
AMIR HAMZAH
AZIZAN**

Menteri Kewangan II

Pengerusi,
Jawatankuasa Pemandu Warisan KL

Bandar merupakan pemacu utama kepada pertumbuhan masa depan Malaysia—dan Kuala Lumpur, sebagai ibu negara kita, mesti memimpin dengan visi yang inklusif, kreatif dan berdaya saing. Warisan KL mencerminkan komitmen nasional kita untuk mengangkat budaya dan warisan, bukan sekadar hasil sampingan pembangunan, tetapi sebagai pemacu utama kepada kemakmuran ekonomi dan pembaharuan sivik. Menerusi inisiatif ini, kita membuka nilai dalam ruang-ruang bersejarah sebagai aset pemangkin—mewujudkan laluan baharu bagi perusahaan, pelancongan, inovasi dan kesejahteraan awam.

Berteraskan kerangka Ekonomi MADANI Malaysia, Warisan KL melambangkan misi dua serampang negara: untuk menaikkan siling dengan menggalakkan keusahawanan kreatif dan keterlibatan ekonomi global, dan menaikkan lantai dengan meningkatkan kualiti hidup, meningkatkan mata pencarian, dan mengangkat ketahanan komuniti di pusat bandar kita.

Ini bukan sekadar agenda pemuliharaan—ia adalah pelan tindakan untuk bagaimana bandar boleh menyesuaikan diri, berkembang dan kembali bersatu dalam era yang luar biasa ini. Ia juga menandakan keterbukaan Kuala Lumpur: kepada pelawat, kepada perniagaan, dan kepada semua yang mencari sebuah kota yang diasaskan oleh iltizam dan identiti kebangsaan.

Warisan KL akan membantu memperkukuhkan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang menghargai sejarahnya, sambil menggalas peranan sebagai destinasi global—berdaya saing, terhubung, dan unik sebagai cerminan jiwa Malaysia.

KATA ALU-ALUAN DARIPADA

**YB DATUK SERI
DR. ZALIHA
MUSTAFA**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

Pengerusi Bersama,
Jawatankuasa Pemandu Warisan KL

Setiap bandar membawa kisahnya yang tersendiri. Kuala Lumpur, sebagai ibu kota negara, tidak terkecuali daripada menyimpan warisan, kenangan dan identiti bangsa. Dalam kita terus mara membangun, ada keperluan untuk sesekali menoleh ke belakang, memahami akar yang membentuk kota ini, dan menentukan apa yang ingin kita wariskan kepada generasi mendatang.

Warisan KL lahir daripada kesedaran bahawa kekuatan sesebuah kota tidak hanya diukur pada bangunan yang megah menjulang, tetapi juga pada nilai, sejarah dan budaya yang menghidupkannya. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada agenda Wilayah Persekutuan untuk memastikan Kuala Lumpur terus berkembang seiring dengan pemeliharaan warisan yang menjadi nadi jati dirinya.

Selaras dengan visi CHASE, Warisan KL berperanan memelihara maruah dan memori ibu kota, sambil memperkasa ruang-ruang yang menjadi nadi kehidupan warganya. Ini pendekatan yang menyeluruh, di mana pembangunan dan pemuliharaan saling melengkapi demi membentuk Kuala Lumpur yang seimbang dan bermakna buat semua. Usaha ini turut didasari oleh nilai-nilai MADANI, yang menjadi asas pembinaan masyarakat berdaya tahan, inklusif dan progresif.

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada penghargaan yang lebih mendalam terhadap warisan Kuala Lumpur, serta menyemarakkan iltizam kita untuk membangunkan sebuah bandar yang bukan sahaja unggul dari segi fizikal, malah kaya dengan makna dan nilai.

KATA ALU-ALUAN DARIPADA

**YBHG. DATO'
SERI TPr (DR.)
MAIMUNAH
MOHD SHARIF**

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Pengerusi,
Jawatankuasa Kerja Warisan KL

Kuala Lumpur ialah sebuah kota yang dinamik – berakar pada sejarah, diperkaya dengan kepelbagaian dan terus berkembang untuk memenuhi keperluan warganya. Sebagai pemegang amanah ibu negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan Warisan KL bersama Think City dan para pemegang taruh negara, untuk membayangkan semula nadi sejarah kota ini melalui lensa budaya, kreativiti dan komuniti.

Warisan KL sejajar dengan visi yang digariskan dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040, yang merintis hala tuju ke arah sebuah bandar masa depan yang berdaya huni, inklusif, berdaya tahan dan kaya dengan identiti. Inisiatif ini menghidupkan rancangan tersebut dengan mengaktifkan semula ruang-ruang warisan dan sivik yang paling bermakna – seperti Kawasan Warisan Dataran Merdeka, Persekitaran Masjid Jamek dan titik pertemuan sungai – serta menghubungkannya sebagai zon bersepadu yang menyatukan sejarah, imaginasi dan penyertaan awam.

Lebih daripada sekadar agenda pemuliharaan, Warisan KL merupakan strategi bandar yang berteraskan rakyat – memulihara mercu tanda warisan, menambah baik ruang awam harian dan merangsang ekonomi kreatif. Ia adalah anjakan ke arah pembangunan bandar yang kolaboratif dan pelbagai disiplin, di mana perancangan bertemu dengan pemaknaan ruang (placemaking), dan infrastruktur dibentuk oleh nilai budaya serta tujuan komuniti.

Sekarang merupakan fasa penting dalam transformasi Kuala Lumpur – bukan sahaja sebagai ibu negara milik semua rakyat Malaysia, tetapi juga sebagai sebuah kota pesat di Global South (di negara-negara membangun), di mana sejarah dan inovasi bertemu untuk membentuk masa depan kota yang lebih inklusif, kreatif dan terhubung di peringkat antarabangsa.

KATA ALU-ALUAN DARIPADA

**YBHG. DATO'
HAMDAN
ABDUL MAJEED**

Pengarah Urusan, Think City



Sebuah kota tidak hanya ditakrifkan hanya melalui cakrawala bangunannya, tetapi melalui kisah yang disimpan, rakyat yang didukung dan semangat yang dicetuskannya. Di Think City, kami percaya bahawa warisan bukan sekadar peninggalan sejarah, tetapi pemacu kehidupan, satu makna yang menghubungkan kita kepada jati diri, merangsang pembaharuan ekonomi dan menyemai rasa kekitaan yang mendalam dalam sanubari setiap warganya.

Sebagai sebuah bangsa yang masih membina jati dirinya, Malaysia terus mengukir makna identitinya melalui bandar-bandarnya – dan tiada yang lebih mencerminkan semangat ini selain Kuala Lumpur.

Warisan KL ialah manifestasi usaha bersama untuk menghidupkan kembali jiwa sejarah dan budaya ibu kota, sambil membangkitkan semula rasa bangga terhadap negara yang kita miliki bersama.

Inisiatif ini juga menandakan pencapaian penting dalam perjalanan 15 tahun Think City dalam membayangkan semula sesebuah bandar melalui pemaknaan ruang, pemulihan budaya dan reka bentuk berorientasikan rakyat. Daripada George Town yang diiktiraf di peringkat global sebagai penanda aras model transformasi, kami sedar bahawa strategi pembaharuan ekonomi berpaksikan budaya adalah melangkaui pemuliharaan; ia melibatkan persekitaran kondusif untuk rakyat dan budaya berkembang maju.

Daripada George Town ke Kuala Lumpur, kami yakin bahawa warisan adalah aset awam yang bernilai tinggi – bukan sahaja untuk dilindungi, tetapi juga untuk diraikan melalui penceritaan, ruang awam dan jaringan sosial yang memperkukuh komuniti.

Warisan KL membuka ruang untuk mengangkat pendekatan ini ke skala nasional dengan meletakkan budaya dan kreativiti sebagai nadi kepada perubahan kota.

Sebagai rakan pelaksana dan perancang bersama, Think City berbangga untuk berganding bahu dengan DBKL dan para pemegang taruh lain dalam menyemarakkan kembali sejarah Kuala Lumpur. Berteraskan Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Budaya Kuala Lumpur serta selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, Warisan KL ialah satu agenda pembangunan bandar yang diilhamkan oleh sejarah dan digarap untuk masa depan.

Lebih daripada sekadar usaha pemuliharaan, Warisan KL merupakan satu seruan untuk kita membentuk semula penceritaan kota ini – bukan hanya sebagai lambang kemajuan fizikal, tetapi sebagai warisan hidup yang mencerminkan semangat sebuah bangsa yang sedang mencorak masa depannya.

Inilah Warisan Kita.

KUALA LUMPUR DI PERSIMPANGAN PENTING




Kawasan bersejarah Kuala Lumpur, yang suatu ketika dahulu merupakan lokasi simbolik dan titik sivil negara, kini berdepan dengan pengosongan secara beransur-ansur. Peralihan fungsi utama ekonomi dan masyarakat serta penghijrahan penduduk ke kawasan pembangunan baharu telah menyebabkan sebahagian besar kawasan dalam teras bersejarah ini dan persekitarannya mengalami kemerosotan.

Kita dapat melihat ini menerusi bangunan yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya, ruang awam yang semakin usang dan penghakisan identiti kota. Kuala Lumpur kini berada di satu persimpangan penting: samada kembali berpaut kepada asal-usulnya atau berdepan risiko kehilangan makna dan peranannya dalam naratif kebangsaan.

Bandar yang Dibina daripada Lapisan Legasi

Dari pertemuan dua sungai ke ibu negara—perjalanan Kuala Lumpur adalah kisah ketahanan, perubahan dan kenangan.



1850

-1880



1880

-1895



1895

-1917



1917

-1945

Permulaan yang Mencabar

Kuala Lumpur didirikan pada tahun 1857 di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak, apabila Raja Abdullah dan Raja Jumaat membawa seramai 87 pelombong bijih timah ke kawasan berlumpur ini. Penempatan awal ini berkembang pesat, namun berdepan pelbagai cabaran seperti kebakaran, wabak penyakit serta ketidakpastian harga bijih timah yang menjebabkan kelangsungan hidup penduduk.

Lahirnya Sebuah Penempatan

Apabila pentadbiran British dipindahkan dari Klang ke Kuala Lumpur, dasar bandar baharu mula diperkenalkan dan pelaburan dalam infrastruktur mula digiatkan – khususnya di sebelah barat Sungai Klang. Langkah ini menjadi asas kepada pembentukan Kuala Lumpur sebagai sebuah pekan moden yang tersusun.

Dari Pekan Perlombongan ke Ibu Negara

Menjelang awal abad ke-20, Kuala Lumpur telah diangkat sebagai pusat pentadbiran bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pelbagai bangunan sivil ikonik mula dibina, mencerminkan peranan baharu kota ini sebagai pusat tadbir urus, ekonomi dan sosial. Kuala Lumpur mula berkembang pesat sebagai titik pertemuan pelbagai budaya, aktiviti perniagaan dan pertukaran idea.

Kemelesetan Antara Perang Dunia & Penjajahan Jepun

Kelembapan ekonomi global dan tercetusnya Perang Dunia telah memberi kesan besar terhadap pembangunan Kuala Lumpur. Banyak bangunan diubah fungsi bagi menyesuaikan keperluan semasa, manakala infrastruktur bandar terjejas teruk akibat kemusnahan di zaman penjajahan Jepun.

SERUAN PEMBAHARUAN

Meskipun pelbagai usaha dan pelaburan telah dilaksanakan, Pusat Bandar Kuala Lumpur masih belum mencapai potensi sepenuhnya sebagai daerah kreatif dan kebudayaan. Fragmentasi fungsi, ruang yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya serta jurang sosial yang melebar telah melemahkan daya hidup kawasan ini.

Warisan KL tampil sebagai pendekatan strategik – untuk mengembalikan kegemilangan ibu negara, menyemarakkan semangat kebersamaan, merancakkan pertumbuhan ekonomi dan membentuk pusat bandar yang berdaya huni, inklusif dan progresif dengan menghubungkan warisan dan inovasi.



1945

-1995



1995

-2020



2020

- Kini

Era Merdeka & Pemodenan

Pasca kemerdekaan, Kuala Lumpur berkembang pesat sebagai lambang identiti nasional dan melalui proses pemodenan yang signifikan. Namun, apabila pembangunan tertumpu di kawasan pinggir bandar, teras sejarah kota ini mula terpinggir dan hilang daya tarikannya.

Menuju Bandaraya Bertaraf Dunia

Pelbagai projek mega telah mengubah landskap kawasan teras Kuala Lumpur, namun cabaran masih berlarutan. Pandemik COVID-19 mendedahkan jurang struktur yang ketara dan menekankan keperluan kepada strategi pembangunan bandar yang lebih inklusif, tangkas dan berdaya tahan.

Sebuah Bandaraya Untuk Semua

Kuala Lumpur kini berdepan cabaran untuk menghidupkan semula nadi kotanya yang semakin suram. Peralihan kepada amalan kerja jarak jauh dan penyebaran pusat-pusat perniagaan ke luar bandar telah menyebabkan pusat bandar menjadi lebih sunyi. Warisan KL tampil sebagai usaha untuk memaknakan semula kota ini – menyuntik kehidupan, memperkukuh keterhubungan dan meraikan budaya serta komuniti dalam usaha menarik kembali penduduk dan perniagaan ke ibukota.



APA ITU WARISAN KL?

Warisan KL ialah inisiatif strategik untuk mengaktifkan semula teras sejarah Kuala Lumpur sebagai daerah kreatif dan kebudayaan. Berlandaskan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040, Warisan KL meliputi kawasan seluas 20km² yang terdiri daripada Zon Teras dan Zon Penampunan, melibatkan zon/ presint utama yang merangkumi elemen sivik, warisan dan komersial.

Melalui pelaksanaan 10 projek erintis andalan, Warisan KL berhasrat untuk menempatkan Kuala Lumpur sebagai sebuah kota kreatif bertaraf global yang inklusif, terhubung dan mencerminkan semangat Malaysia – berlandaskan tempat, rakyat dan budaya.

Kawasan Fokus Dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

Peta ini menekankan zon Warisan KL seluas 20km² dalam konteks perancangan menyeluruh bandar raya, menonjolkan kedudukannya yang strategik merangkumi aset sivik, budaya dan ekologi utama.



ZON TERAS  1.08 km²  SUB PRESINT KAWASAN TERAS 1 Presint Sivik 2 Presint Peruncitan Tradisional 3 Presint Segitiga Warisan 4 Presint Pendidikan 5 Presint Jalan Petaling	ZON PENAMPAN  8.96 km²  SUB PRESINT KAWASAN TERAS 1 Chow Kit South 2 Bukit Nanas 3 Bukit Ceylon 4 Kawasan Merdeka 118 5 Enklaf Kampung Attap 6 Brickfields 7 Institusi & Kebudayaan 8 Taman Pusat
--	--

Zon Teras Dan Zon Penampunan Berdasarkan Presint

Peta ini memperincikan Zon Teras Warisan KL (1.08km²) dan Zon Penampunan (8.96km²), serta presint utama yang menjadi tumpuan pelaksanaan projek, selaras dengan pendekatan pemulihan yang disasarkan menerusi 10 inisiatif utama.

BERTERASKAN MADANI, BERLANDASKAN WARISAN

Diilhamkan oleh nilai-nilai Malaysia MADANI, Warisan KL melihat warisan bukan sekadar peninggalan masa lalu, tetapi sebagai pemangkin perpaduan, maruah dan pembaharuan. Dengan meletakkan budaya, kreativiti dan nilai kemanusiaan sebagai teras pembangunan

bandar, Warisan KL memperkukuh jati diri negara sambil membentuk sebuah kota yang inklusif, sejahtera dan bermanusiawi.

Warisan KL bukan sekadar memulih ruang, tetapi menghidupkan semula semangat peradaban berlandaskan tempat, rakyat dan matlamat bersama.



Daerah Sivik Singapura,
Singapura



Melbourne,
Australia



Abu Dhabi,
Emiriah Arab Bersatu



Montreal,
Kanada



Brooklyn, New York,
Amerika Syarikat

Gerakan Global Dalam Konteks Tempatan

Kuala Lumpur kini menyertai barisan bandar global yang mengiktiraf kepelbagaian budaya sebagai strategi utama dalam membina ketahanan ekonomi, kesejahteraan komuniti dan kelestarian bandar.

- **Kemampuan Pembiayaan**
Perancangan kewangan jangka panjang penting bagi mengekalkan dan memulihara kawasan budaya.
- **Ekosistem Kreatif**
Kluster aset kreatif serta pembangunan bakat menjamin daya tahan jangka panjang.
- **Sokongan Infrastruktur**
Reka bentuk ruang yang inklusif dan mudah disesuaikan mendorong kejayaan transformasi.
- **Tadbir Urus Kolaboratif**
Usaha bersama sektor awam, swasta dan masyarakat memperkukuh perancangan jangka panjang yang berkesanan.

Sekilas Pandang Strategi: Kerangka Tempat, Rakyat Dan Budaya

- Meningkatkan keterhunian, memacu pertumbuhan ekonomi dan membentuk bandar yang berjiwa melalui sinergi antara warisan dan inovasi.
- Memberdayakan komuniti tempatan, memperkukuh infrastruktur sosial dan membentuk pembangunan yang inklusif dan mencerminkan identiti bersama.
- Memangkin ekonomi kreatif dan budaya melalui penceritaan, penglibatan awam dan pengaktifan industri untuk meraikan kepelbagaian dan warisan KL.
- Memulihara dan mengaktifkan mercu warisan, menambah baik ruang awam, dan mewujudkan persekitaran yang meriah, terhubung dan berdaya tahan.

KAWASAN WARISAN DATARAN MERDEKA

Memelihara Warisan,
Menyemai Memori Bersama

Kawasan Warisan Dataran Merdeka dalam proses pemulihan untuk dijadikan antara tarikan warisan utama

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Sebagai simbol sejarah negara, Dataran Merdeka sedang diangkat semula sebagai destinasi sivik dan tapak perayaan negara. Transformasi ini menghormati legasi sejarah kawasan tersebut dan mengembalikan peranannya sebagai ruang awam yang mengutamakan rakyat.

Melalui pemuliharaan warisan, penaiktarafan infrastruktur awam dan pengadaptasian landskap yang responsif terhadap perubahan iklim, projek ini menyatukan warisan kebangsaan dengan keperluan bandar moden. Struktur ikonik seperti Bangunan Sultan Abdul Samad akan diberi nafas baharu, disokong oleh penghubung untuk pejalan kaki, elemen penceritaan sejarah dan infrastruktur yang lestari.

Bangunan Sultan Abdul Samad, 1950



Bangunan Sultan Abdul Samad, kini



Inisiatif ini turut merangkumi pengaktifan ruang bawah tanah seperti Plaza Putra, galeri, forum komuniti dan program budaya – menjadikan kawasan ini sebagai destinasi berfungsi tinggi, berjiwa rakyat dan terbuka kepada semua.

Sebagai projek andalan Warisan KL, inisiatif ini mencerminkan iltizam negara untuk menyemai semula semangat perpaduan, memelihara memori kolektif dan memperkukuh maruah kebangsaan – menghidupkan kembali semangat kenegaraan di tapak keramat tempat kemerdekaan diisytiharkan.

Dataran Bendera dan Air Pancur Victoria akan ditambah baik sebagai ruang awam yang berkualiti

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.



CARCOSA SERI NEGARA

Memartabatkan Warisan dan
Khazanah Alam



Carcosa, 1900



Carcosa, kini

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Di sebalik rimbunan Taman Botani Perdana, Carcosa Seri Negara berdiri sebagai simbol perjalanan negara menuju kemerdekaan. Dibina antara tahun 1896 hingga 1913 sebagai kediaman rasmi Residen-Jeneral British, tapak ini turut menjadi lokasi pemeteraian Perjanjian Persekutuan 1957 oleh sembilan Raja Melayu.

Kini, Carcosa dibayangkan semula sebagai destinasi eko-budaya inklusif yang merangkumi galeri, ruang penceritaan dan aktiviti komuniti. Menggabungkan elemen warisan, biodiversiti dan kreativiti, tapak ini bakal menawarkan pengalaman imersif, serta mengukuhkan peranannya dalam masa depan budaya dan ekologi Kuala Lumpur.

Peremajaan Carcosa Seri Negara mengubah tapaknya menjadi destinasi eko-budaya yang menenangkan



Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Carcosa Seri Negara, jalinan harmoni antara manusia, alam dan budaya



Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

MERDEKA 118

Menghargai Kemerdekaan, Mengeratkan Perpaduan

Kawasan Merdeka 118 merupakan lambang semangat kemerdekaan dan titik pertemuan pelbagai komuniti di pentas global

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Merdeka 118 menjiwai semangat kemerdekaan dan perpaduan nasional menerusi mercu tanda bersejarah seperti Stadium Merdeka dan menara ikonik setinggi 118 tingkat. Berpaksikan warisan negara, kawasan ini menyatukan elemen sejarah, sukan dan keterlibatan sivik untuk membentuk destinasi yang meriah dan inklusif.

Inisiatif ini melibatkan pemuliharaan bangunan warisan, penstrukturan semula ruang awam serta pengukuhan hubungan dengan komuniti berdekatan seperti Pudu dan Kampung Attap, sementara projek baharu seperti Muzium Tekstil Merdeka pula akan memperkayakan naratif kebangsaan.



Stadium Merdeka sewaktu Pengisytiharan Kemerdekaan, 31 Ogos 1957



Stadium Merdeka semasa Pengisytiharan Kemerdekaan, 31 Ogos 1957



Dengan seni, sukan dan pemerksaan komuniti, Merdeka 118 berpotensi muncul sebagai hab budaya dan sukan yang berprestij – menyemarakkan identiti Malaysia serta memperluas ruang perpaduan sosial dan peluang ekonomi.

Nadi Kuala Lumpur terletak di pertemuan dua sungai utama iaitu Sungai Klang dan Sungai Gombak

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

ENKLAF MASJID JAMEK

Perhentian dalam Arus Budaya, Kepercayaan dan Perdagangan

Terletak di pertemuan Sungai Klang dan Gombak, tapak kelahiran Kuala Lumpur, Enklaf Masjid Jamek merupakan kawasan bersejarah yang menggabungkan keimanan, perdagangan dan kehidupan sivik. Berpusat di Masjid Jamek yang dibina pada tahun 1909 dan dikelilingi mercu tanda budaya, pasar dan kedai keluarga, kawasan ini kekal sebagai nadi penting warisan hidup warga kota.

Kini, sebagai salah satu hab transit paling sibuk di Kuala Lumpur, enklaf ini sedang menjalani proses pembaharuan bagi memperkukuhkan identitinya sebagai tunjang budaya. Usaha melibatkan pemuliharaan masjid, peningkatan akses pejalan kaki dan pengaktifan ruang awam sekitarnya akan menghubungkan semula enklaf ini dengan Dataran Merdeka dan rangkaian budaya bandar, mengubahnya daripada laluan kepada ruang bermakna yang sarat memori dan pergerakan.



Masjid Jamek, 1910



Masjid Jamek, kini

Stesen LRT Masjid Jamek dinaiktaraf untuk kemudahan pejalan kaki dan pengguna pengangkutan awam

Konsep ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.



KUADRAN PERDAGANGAN

Hab Warisan Niaga yang Menggerakkan Inovasi dan Perdagangan

Transformasi ruang awam dan pemaknaan semula kawasan bersejarah di Kuadrant Perdagangan

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Terletak di antara Sungai Klang dan Jalan Tun Perak, Kuadrant Perdagangan merupakan salah satu presint komersial tertua di Kuala Lumpur – menempatkan deretan rumah kedai warisan, pasar tradisional dan mercu tanda budaya seperti Medan Pasar serta Tokong Sin Sze Si Ya. Suatu ketika dahulu berperanan sebagai zon perdagangan utama ibu kota, kawasan ini kini sedang diaktifkan semula untuk menarik perniagaan baharu, memperkukuh industri budaya dan menghidupkan kembali ruang-ruang awam yang berpotensi.

Transformasi ini melibatkan pelaksanaan penaiktarafan bersasar termasuk pemuliharaan rumah kedai bersejarah, penambahbaikan landskap jalan dan lorong belakang, serta inisiatif pemaknaan ruang yang menyokong aktiviti niaga, komuniti dan pelancongan.

Pendekatan ini mengimbangi kekayaan warisan dengan keperluan pembangunan semasa, bermatlamat untuk meningkatkan daya saing ekonomi setempat, mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan tempatan, dan membina ekosistem keusahawanan serta industri



Presint Segitiga Warisan, 1950



Kuadrant Perdagangan diaktifkan semula sebagai hab perniagaan dan perdagangan

kreatif yang berdaya tahan, sambil memastikan keterhubungan dengan Kawasan Warisan Dataran Merdeka, Enklaf Masjid Jamek, dan Rangkaian Penghubung Hijau.

Kuadrant Perdagangan diaktifkan semula sebagai hab perniagaan dan perdagangan

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.



Memorial Tun Abdul Razak sebagai salah satu nod utama dalam rangkaian Muzium dan Galeri Budaya (MAGnet)

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Daripada Legasi kepada Jalinan Masa Depan

Bapa Pembangunan Malaysia, diabadikan di tapak bersejarah ini yang dahulunya merupakan kediaman rasmi Perdana Menteri. Hari ini, tapak ini berfungsi sebagai sebahagian daripada rangkaian memorial negara yang memperingati sumbangan kepimpinan negara.

Memorial Tun Abdul Razak bakal diberi suntikan segar sebagai gedung ilmu dan inspirasi - menerusi pemuliharaan bangunan bersejarah, kurasi pameran yang holistik dan pelaksanaan program pendidikan awam yang menyoroti legasi, wawasan dan nilai perjuangan beliau.

Laluan pejalan kaki yang diperindah dan ruang awam yang dimaknai semula akan menghubungkan memorial ini dengan denai hijau serta tapak-tapak memorial berdekatan, bagi mewujudkan pengalaman yang menyeluruh - merentas sejarah, kepimpinan dan kelestarian alam.

Lebih daripada sekadar tapak peringatan, Memorial Tun Abdul Razak akan berfungsi sebagai repositori hidup memori kolektif negara - menyemai semangat untuk



Pintu Masuk Depan Memorial Tun Abdul Razak



Memorial Tun Abdul Razak, kini

dikenang, memahami dan menghidupkan kembali cita-cita Malaysia yang lebih inklusif, adil dan bermaruah.

Memorial Tun Abdul Razak menawarkan gabungan unik warisan dan alam semula jadi

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak



KANDUNGAN DAN PROGRAM

Kandungan dan Program memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu kota kreatif dan budaya, melalui penjenamaan strategik, pemaknaan ruang serta pembinaan ekosistem yang inklusif dan mampan.

Sebagai tunjang utama kepada Warisan KL, projek andalan ini menyokong permohonan Kuala Lumpur sebagai Bandar Kreatif UNESCO, di samping menjadi pemacu kepada pelbagai program utama seperti Festival Kreatif KL, Arts on the Move, Pentas Seni Merdeka dan Festival Taman KL.

Melalui geran, program residensi seni, kerjasama dengan institusi kebudayaan, serta pengaktifan ruang melalui pengisian kreatif, inisiatif ini memperkasa bakat tempatan dan merancakkan ekonomi berasaskan pengalaman – menyampaikan naratif tempat, komuniti dan warisan secara imersif, membolehkan orang ramai berinteraksi secara langsung dengan identiti kota.

Memperkukuhkan Jenama Bandar dan Ekosistem Kreatif

Dengan menerapkan budaya dalam kehidupan seharian dan menghidupkan kembali ruang awam, program ini menyemai rasa bangga terhadap negara, menyokong pertumbuhan perniagaan tempatan dan merangsang sektor pelancongan budaya serta aktiviti malam di kota.

Pada akhirnya, inisiatif ini menyeru rakyat Malaysia dan pengunjung antarabangsa untuk menyertai Kuala Lumpur dalam perjalanan transformasinya – sebuah kota yang terus berkembang, di mana penceritaan menjadi pemacu keyakinan nasional dan kemakmuran ekonomi.



TERANG: WARISAN oleh Filamen



Persembahan Seni Reog oleh PUSAKA



SunnysideUp oleh Pamela Tan



Seni Instalasi 'Call To Prayer' oleh Najib Bamadhaj



Ghazal oleh GHAJMAS

RANGKAIAN PENGHUBUNG HIJAU

Menghubungkan Komuniti Melalui Integrasi Alam Semula Jadi



Rangkaian Penghubung Hijau mentakrifkan semula Kuala Lumpur sebagai sebuah taman bandar yang mesra manusia – hidup, bernafas dan inklusif. Inisiatif ini menghubungkan taman, lorong, tapak warisan dan laluan pengangkutan menerusi infrastruktur berasaskan alam, dengan memberi tumpuan kepada ruang-ruang “di antara” yang selama ini terpinggir daripada naratif pembangunan bandar – memperkukuh mobiliti aktif, daya tahan iklim, dan daya huni bandar secara menyeluruh.

Dua laluan utama akan menjadi projek perintis. Menerusi rekaan yang sensitif terhadap iklim, kemudahan mikro-mobiliti, dan pemaknaan ruang bersifat interpretatif, rangkaian ini menyokong visi Pusat Taman



Laluan Kanopi, Taman Eko Rimba Kuala Lumpur

Kuala Lumpur – mewujudkan hubungan yang lebih mendalam dan harmoni antara bandar dan alam semula jadi. Ia merupakan langkah ke arah pembangunan bandar yang lebih terhubung, tahan iklim dan berfokuskan insan.

Inisiatif Penghijauan di Reruang Awam



Melaksanakan Konsep Kota Span untuk Mitigasi Perubahan Iklim



STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR

Menghidupkan Warisan,
Memulihkan Jalinan

Stesen Keretapi Kuala Lumpur diraikan sebagai simbol warisan, kemodenan dan pembangunan adaptif

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.



Stesen Keretapi Kuala Lumpur, 1921



Stesen Keretapi Kuala Lumpur, kini

Projek pemulihan ini menawarkan
keselesaan kepada pejalan kaki dan
mewujudkan ruang awam bertaraf dunia



Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

Sesetengah bangunan bukan sekadar struktur fizikal; ia adalah persilangan antara sejarah, emosi dan identiti sesebuah kota. Stesen Keretapi Kuala Lumpur merupakan salah satu daripadanya. Dibina pada tahun 1910 dengan reka bentuk bergaya Mughal-Moorish yang terserlah melalui kubah putih dan lengkungan indah, stesen ini berperanan sebagai pintu masuk utama ke ibu negara – tempat pertemuan ribuan perjalanan, harapan dan impian dari seluruh pelosok tanah air.

Hari ini, stesen bersejarah ini bersedia untuk melalui fasa transformasi yang lebih bermakna-menambah baik keterhubungannya dengan Pasar Seni, Dataran Merdeka dan tapak-tapak sivik bersejarah.

Melalui pendekatan pengadaptasian warisan secara kreatif, ruang-ruang terbiar akan dihidupkan kembali melalui aktiviti yang inklusif, berbudaya dan berteraskan komuniti. Lebih daripada sekadar hentian perjalanan – ia akan menjadi ruang pertemuan antara yang lama dan yang baharu, menghidupkan kembali warisan, keterhubungan dan denyut kehidupan Kuala Lumpur masa kini.



Ruang yang diolah semula ini menghubungkan insan, pengangkutan dan warisan

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak.

FESYEN & TEKSTIL

Warisan Perdagangan, Diperkasa dengan Kreativiti dan Inovasi

Transformasi ruang awam dan pemaknaan ruang di Kawasan Fesyen & Tekstil

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak

Di tengah-tengah Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kawasan Fesyen dan Tekstil menghimpunkan warisan seni tekstil, pertukangan dan budaya perniagaan. Terkenal sebagai pusat jualan kain, tekstil eksklusif dan pertukangan emas sejak dahulu lagi, kawasan ini akan melalui fasa pembaharuan yang menyeluruh - meliputi penaiktarafan infrastruktur, pelebaran laluan pejalan kaki, penataan semula gerai, serta pewujudan ruang awam berlandskap yang lebih selesa dan inklusif.

Bertunjangkan kawasan Masjid India sebagai titik fokus, usaha ini akan memperkukuh identiti kawasan melalui kurasi penceritaan, penjenamaan semula dan pembinaan ekosistem yang menyokong penggiat seni tempatan, usahawan kreatif dan perusahaan kecil berasaskan warisan.

Kerjasama strategik dengan hab kreatif serta penambahbaikan sistem navigasi akan memperkukuh kedudukan kawasan ini sebagai destinasi budaya dan ekonomi. Transformasi ini bukan sahaja menghargai warisan perdagangannya, malah memposisikan kawasan ini sebagai hab inovasi, kelestarian dan ekonomi kreatif yang dinamik di tengah-tengah ibu kota.



Jalan Tuanku Abdul Rahman, 1979



Jalan Tuanku Abdul Rahman, kini

Ruang yang diimajinasikan ini bertujuan memperkasa ekosistem kreatif dan budaya

Konsep Ilustrasi. Pelaksanaan sebenar tertakluk kepada keadaan di tapak



DIILHAMKAN OLEH KISAH SEBENAR, DIGERAKKAN OLEH RAKYAT

Strategi pengisian dan pemaknaan ruang Warisan KL dibina atas asas kajian bertahun-tahun – merangkumi kajian asas, diagnostik ruang, tinjauan awam, Klinik Bandar dan libat urus komuniti

- Dapatan sintesis:**
-  Laporan sedekad
 -  Suara Komuniti
 -  Input rakan kongsi

(Selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tindakan Strategik Warisan KL)

Menerusi kerjasama erat dengan komuniti tempatan, penggiat kreatif dan rakan institusi, Warisan KL merangka program yang inklusif, bermakna, berasaskan tempat dan mencerminkan jati diri Malaysia.

Daripada Idea ke Tindakan: Prototaip Masa Depan Kuala Lumpur

Warisan KL mengamalkan pendekatan menyeluruh melalui projek perintis yang berfungsi sebagai makmal hidup.

- Bekerjasama dengan komuniti melalui:**
-  Bengkel komuniti
 -  Reka bentuk kolaboratif
 -  Program geran
 -  Klinik Bandar

(Laman Tun Perak, Halaman Kampung Attap, Rumah Tangsi, Kwai Chai Hong dan REXKL membuktikan bahawa warisan dan kreativiti boleh wujud seiring)

Bersama, ia mencerminkan Kuala Lumpur yang lebih inklusif, kreatif dan terbuka, di mana setiap warga berperanan dalam membentuk warisan budaya dan legasi bandar.



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja pada bulan Jun 2024

Tadbir Urus & Ekosistem Pemegang Taruh

Pelaksanaan Warisan KL disokong oleh struktur tadbir urus pelbagai peringkat bagi memastikan penjajaran, ketelusan, dan impak yang berterusan.

Jawatankuasa Pemandu

Dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan II dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), jawatankuasa ini memberi panduan dalam projek andalan Warisan KL, dengan sokongan daripada kementerian-kementerian utama dan DBKL.

Jawatankuasa Kerja

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempengerusikan jawatankuasa ini, memastikan penyelarasan merentas agensi dan penglibatan pemegang taruh.

Sekretariat

Kewangan, sekretariat ini menyokong pelaksanaan dan memantau kemajuan, berdasarkan agenda kebangsaan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pasukan Projek Andalan

Setiap daripada 10 projek ini diterajui oleh agensi yang ditetapkan, dengan sokongan DBKL dan Think City dalam pengurusan reka bentuk, pengaktifan serta integrasi bersama komuniti.

APAKAH UKURAN KEJAYAAN?

Warisan KL membayangkan sebuah ibu negara yang mencerminkan maruah, kreativiti dan perpaduan sebuah negara. Berlandaskan nilai-nilai Malaysia MADANI, kejayaan diukur menerusi lima hasil utama yang saling melengkapi:

MEMULIHKAN MARTABAT SIVIK & BUDAYA

Bandar yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia, tempat bertautnya ingatan, makna dan jati diri negara

Nilai MADANI: Ihsan, Pemberdayaan, Cemerlang

EKONOMI KREATIF SEBAGAI PEMACU PERTUMBUHAN

Kuala Lumpur diiktiraf sebagai Bandar Kreatif UNESCO

Nilai MADANI: Kemakmuran, Inovasi

PENINGKATAN KESEJAHTERAAN & KETERANGKUMAN

Laluan pejalan kaki yang lebih selesa, koridor warisan yang dihidupkan semula serta ruang awam yang inklusif

Nilai MADANI: Kesejahteraan, Keadilan Sosial

PENGIKTIRAFAN GLOBAL & KEYAKINAN NASIONAL

Kuala Lumpur diangkat sebagai ibu kota budaya Global South (negara-negara membangun)

Nilai MADANI: Maruah Tamadun, Amanah

IMPAK DIUKUR

RM7.85 bilion nilai ekonomi dijana dan lebih 9.1 juta pelawat tambahan dicapai.

Nilai MADANI: Tadbir Urus Baik, Pemeliharaan Amanah

LANGKAH SETERUSNYA DAN BAGAIMANA UNTUK MELIBATKAN DIRI?

Menyokong & Melabur

- Labur bersama dalam projek andalan
- Taja tapak atau presint tertentu
- Selaraskan matlamat CSR, ESG, pelancongan dan kelestarian anda dengan Warisan KL

Kurasi & Aktivasi

- Bekerjasama dalam penganjuran program kreatif, pameran, festival dan persembahan
- Menghidupkan ruang awam menerusi seni dan budaya
- Raikan kepelbagaian identiti Malaysia

Berkongsi & Berinteraksi

- Sebarkan visi Warisan KL menerusi platform anda
- Ambil bahagian dalam Urban Lab dan sesi perbincangan awam
- Dukung nilai-nilai MADANI dan sokong usaha KL menjadi Bandar Kreatif UNESCO

Untuk maklumat lanjut, layari warisankl.com

George Town

Level 1, UAB Building
No. 21-35, Gat Lebuah China
10300 George Town
Pulau Pinang

T +6 04 261 3146

Kuala Lumpur

High Street Studios, Level 1,
No 36-40, Jalan Tun HS Lee,
50100 Kuala Lumpur

T +6 03 2022 1697

warisankl.com